BAHASA MELAYU TAHUN 4.

Garisi jawapan yang betul.

Tatabahasa

Petua Memilih Durian

Zara dan keluarganya ke pasar tani.

Zara dan keluarganya ingin membeli durian. Mereka teringin makan durian. Zara berjalan laju / deras menuju ke gerai jualan durian. Dia amat mahir akan selok-belok tempat itu kerana selalu / cepat datang ke situ.

Puan Zurah tersenyum melihat gelagat anaknya itu. Mereka sangat risau / seronok apabila membeli durian.

"Zara, cuba goncangkan durian itu. Jika ada getaran, maknanya isinya telah masak," jelas Encik Hasif.

Zara mencium-cium pangkal tangkai durian. Dia berasa ragu / malu. Kemudian, dia memberikan buah itu kepada Encik Hasif.

"Buah ini harum baunya, Zara. Isinya pasti telah masak," kata Encik Hasif dengan yakin / pilu nya.

"Abang, lima pangsa pada buah ini sangat lambat / jelas kelihatan. Saya ambil, ya," ujar Puan Zurah.

Encik Hasif mengangguk tanda setuju dengan isterinya. Beliau memberikan semua durian yang telah dipilih kepada peniaga tersebut. Peniaga itu mengopek kulit durian dengan cermat / gopoh nya menggunakan parang. Zara puas / sedih hati melihat isi durian itu. Mereka sekeluarga amat gembira / muram kerana dapat menikmati raja buah itu.



Aktiviti

Menggunakan kata adjektif mengikut konteks.

- Bimbing murid menggunakan kata adjektif cara dan perasaan mengikut konteks.

Strategi PBP: Pembelajaran Kontekstual
KBAT: Menilai
EMK: Nilai Murni - Rasional

LIVEWORKSHEETS